

13 JUN 2002

Mahathir-Barat

MALAYSIA JUGA PANDANG KE BARAT, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Mahrus Ibrahim dan Mohd Fisol Jaafar

LUXEMBOURG, 13 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak pernah mengetepikan negara-negara Barat untuk dijadikan contoh dalam menyediakan asas untuk pembangunan dan kemajuan negara walaupun ia mengamalkan Dasar Pandang ke Timur.

Perdana Menteri berkata bahawa Malaysia tidak pernah menyebut bahawa apabila ia melaksanakan Dasar Pandang ke Timur, "kita tidak akan pandang ke barat".

"Banyak orang kata apabila kita pandang ke timur, kita lupakan barat...tidak. Kita kata ini tambahan," katanya kepada wartawan Malaysia di sini hari ini di akhir lawatan rasmi tiga hari ke Luxembourg.

Sebagai contoh, katanya, Luxembourg merupakan satu contoh baik bagaimana sebuah negara kecil yang miskin sebelum ini mampu menjadi kaya dengan pendapatan per kapita US\$27,000 berbanding dengan US\$4,000 di Malaysia.

Dr Mahathir berkata beliau sepatutnya melawat Luxembourg lebih awal untuk mempelajari beberapa perkara unik yang mereka laksanakan di sini sehingga menjadikan negara itu kaya.

Luxembourg yang dahulunya bergantung kepada industri keluli, kini menjadi pusat kewangan yang telah berjaya menarik ratusan institusi kewangan antarabangsa selain bank-bank tempatan.

Ia juga telah menerokai sektor penyiaran dengan melancarkan satelit sendiri selain menceburi industri pengangkutan udara menerusi syarikat Cargolux.

Dr Mahathir berkata Luxembourg telah menilai kelemahan serta kelebihan dan berjaya memajukan beberapa pasaran khusus yang membolehkan mereka berjaya dalam bidang-bidang berkenaan.

"Tentunya apa yang mereka lakukan itu betul, dan kita mahu belajar daripada mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia juga boleh menjadi kaya seperti Luxembourg asalkan rakyatnya bekerja keras dan mengurangkan amalan berpolitik yang tidak membina.

"Kita boleh menjadi kaya, tinggal lagi soalnya orang nak ikut atau tidak. Tapi bila orang timbulkan masalah lain, kita tidak boleh jadi kayalah" katanya.

Sambil memberi contoh mengenai Dasar Ekonomi Baru, Perdana Menteri berkata ia sepatutnya berjaya 100 peratus tetapi ada pihak yang tidak menggunakan dengan sewajarnya peluang-peluang yang diberikan.

Beliau berkata Luxembourg mampu mencapai kejayaan kerana rakyatnya lebih berdisiplin.

Mengenai hasil perbincangannya dengan tokoh-tokoh politik, kewangan dan perniagaan di sini, Dr Mahathir berkata mereka kagum dengan pencapaian Malaysia dan ingin menyertai ekonomi Malaysia.

Tokoh-tokoh kewangan Luxembourg turut menunjukkan minat terhadap kejayaan Malaysia memajukan Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir.

Perdana Menteri berkata Malaysia juga boleh mencontohi Luxembourg dalam mengendalikan sektor kewangan dan perbankan yang telah menjadikannya antara pusat kewangan yang unggul di dunia.

Pagi tadi, Dr Mahathir bertemu dengan Presiden Bank Pusat Luxembourg Tves Mersch dan pegawai-pegawai kanan Deutschbank.

Beliau juga berkesempatan melawat kilang International Electronics and Engineering (IEE) di Echternach, kira-kira 45 minit perjalanan dari kota

Luxembourg.

IEE menghasilkan alat sensor bagi sistem "air bag" dan penggera keselamatan penumpang kereta.

Luxembourg merupakan negara terakhir dalam lawatan seminggu Dr Mahathir ke Eropah yang bermula dengan pertemuannya dengan Pope John Paul II di Vatican City pada 7 Jun, diikuti lawatan rasmi ke Switzerland.

-- BERNAMA

MAI MFJ MAM MOZ